



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 ()04/03

MEDIA HANDOUT

**ACARA PENYERAHAN KUNCI RUMAH KELUARGA ANGKATAN
TENTERA (RKAT) PENGKALAN HULU DI BATALION KE-3 REJIMEN
SEMPADAN OLEH PANGLIMA ANGKATAN TENTERA**

1. Lawatan kerja dan acara Penyerahan Kunci Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Pengkalan Hulu di Batalion ke-3 Rejimen Sempadan oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor pada 23 Mac 2018 (Jumaat) jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Terbuka RKAT Pengkalan Hulu, Kem Batalion ke-3 Rejimen Sempadan, Pengkalan Hulu, Perak.
2. Majlis penyerahan ini juga akan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Seri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan, Dato' Parang Abai @ Thomas.
3. Keseluruhan RKAT Batalion 3 Rejimen Sempadan mempunyai 215 buah rumah dengan kos keseluruhan RM 67,358,060.00 dan dibina oleh Syarikat Seri Bumi Makmur Sdn Bhd. Senggaraan dan waranti bermula dari 15 Feb 17 sehingga 15 Feb 19. RKAT ini juga dilengkapi dengan fasiliti seperti Dewan Terbuka, Taman Permainan Kanak-kanak, Tadika, Pos Pengawal, Rumah Sampah dan Tangki Air berkapasiti 10,000 liter.
4. Untuk keterangan lanjut boleh hubungi - **Kapt Muhammad Afifi Azham bin Mohd, PS 3 Media (Darat), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan di talian 019-2513657.**

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
23 Mac 2018